

THE PASSION OF A WESTERN MIND: UNDERSTANDING THE IDEAS THAT HAVE SHAPED OUR WORLD VIEW oleh Richard Tarnas. New York: Ballantine Book, 1991. Halaman 544. ISBN: 0-345-36809-6.

Dunia yang disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai multikultural dan rencam ini tidak lebih sekadar wilayah Barat yang luas. Dalam konteks ilmu pengetahuan, epistemologi dan tatacara sejabatnya jelas merupakan konstruk Barat. Begitu juga dengan sempadan geografi politik dunia, amat-amat mencerminkan sistem ‘negara-bangsa’ berasaskan model Westphalia Barat. Sistem tadbir dan ekonomi negara-negara dunia juga amat serasi berkembang dalam acuan Barat. Perkembangan semasa menjadi bukti Barat ibarat polis dunia yang ‘layak’ melakukan apa sahaja, kepada sesiapa juga yang mereka kehendaki. Pengeboman Iran oleh Israel dan Amerika Syarikat hanya memanjangkan senarai contoh berleluasa dan kuatnya suara Barat di tengah-tengah kerencaman masyarakat dunia. Tegasnya seperti diujahkan Francis Fukuyama (1992), ‘sejarah sudah berakhir.’ Dominasi Barat secara global sukar digugat lagi. Dominasi serta kuasa Barat menjadi lebih ketara apabila disorot melalui lensa wacana pascakolonial. Partha Chatterjee (1993) contohnya berpandangan di negara-negara pascakolonial, sebaik mana sekalipun idea pemberdayaan nasional, ia tidak mungkin terlepas dari pengaruh sistem dan warisan kolonial (baca: Barat). Intensiti ini jelas menunjukkan dominasi Barat dalam ekosistem global bukan suatu ilusi. Justeru, pihak mana sekalipun atas apa-apa tujuan harus bersedia memperakui perihal dominasi ini.

Pengakuan sedemikian bukan bermakna pihak yang tidak selesa dengan dominasi Barat harus mengalah dan pasrah. Kesedaran berkenaan hakikat di atas penting untuk agendaimbangan. Semestinya sukar untuk menggantikan Barat dengan Timur, namun sekurang-kurangnya kita harus bersedia mengkritik unsur-unsur Barat yang tidak produktif dan konstruktif dalam diri, masyarakat dan budaya Timur itu sendiri. Gerakan asasnya melalui ilmu pengetahuan. Barat sebagai suatu tenaga budaya, intelektual, politik dan sosial harus difahami dari akar supaya kelompongan, kelemahan dan kekuatannya dapat dikenalpasti. Wahananya Oksidentalisme yang membalikkan Orientalisme. Masyarakat bertentang dengan Barat sendiri harus mampu memahami inti tamadun tersebut. Kefahaman yang terbentuk bukan bertujuan melawan atau mencera Barat, misalnya seperti diungkap secara prejudis oleh Buruma & Margalit (2021) sebagai ‘fahaman anti-Barat,’ sebaliknya untuk pemerksaan intelektual dan budaya. Karya yang membahaskan pelbagai aspek tamadun Barat, khasnya berkait pemikiran mereka antara alat penting Oksidentalisme. Ia boleh membantu kita sekurang-kurangnya menapis gagasan janggal dan aneh Barat yang mungkin telahpun terinstitusi dalam pandangan alam kita selama ini.

Salah satu karya ilmiah yang boleh dipertimbangkan adalah buku *The Passion of a Western Mind: Understanding the Ideas that have Shaped our World View* (cetakan pertama 1991). Ia dikarang oleh Richard Tarnas, yang ketika penerbitan adalah Profesor Falsafah dan Psikologi di California Institute of Integral Studies, San Francisco. Tarnas menggunakan pendekatan naratif sejarah pemikiran untuk menunjukkan secara sistematik ‘semangat pemikiran Barat’ dari zaman klasik hingga zaman moden kontemporari. Menariknya, buku ini turut memanfaatkan kepakaran Tarnas dalam falsafah dan psikologi sehinggakan pengalaman membacanya tidak semudah sekadar mencerap peristiwa atau perkembangan-perkembangan yang telah berlalu. Ini tidak pula bermakna penulisan Tarnas sukar dihadap atau hanya sesuai dengan komuniti epistemik elitis. Ia menggunakan bahasa dan huraian yang mesra pembaca awam tanpa perlu

kepada penguasaan sejarah, falsafah mahupun psikologi khusus. Agenda Tarnas adalah jelas, untuk mengungkapkan bagaimana pemikiran Barat telah mempengaruhi kehidupan manusia masa kini. Menariknya, Meskipun beliau adalah manusia Barat, Tarnas tidak apologetik, anti atau defensif kepada tradisi pemikiran komunitinya sendiri. Selayaknya untuk sebuah karya bercorak sejarah pemikiran, Tarnas seboleh mungkin meninggalkan kepada pembaca tugas menghakimi pemikiran Barat yang cuba beliau sendiri elakkan sebagai sarjana dan pengarang.

Tarnas dalam bab pembukaan telah menunjukkan semenjak awal masyarakat Barat mendambakan proses berfikir sistematik dan rasional. Ia berkembang dalam tamadun Yunani sebagai reaksi ke atas cara fikir mitos simbiotik dewa-dewi dan kosmos. Transisi ke arah rasionaliti zaman klasik Barat berkembang melalui evolusi panjang. Socrates muncul dan mengalihkan fokus wacana dari bertumpu esensi kosmos seperti dibawa ahli-ahli falsafah sebelumnya kepada fokus baharu iaitu manusia, kehidupan dan moral. Tidak hanya mementingkan proses berfikir, Socrates juga mengajak khalayak mencari kebenaran melalui dialog. Persoalan manusia, moral dan kebenaran yang dibawa Socrates mendorong muridnya, Plato memikir lebih jauh perkaitan semua elemen tersebut dengan kosmos. Bagi Plato hakikat manusia, moral dan kebenaran tidak diperoleh melalui alam fizikal. Sebaliknya ia terletak pada alam idea yang lebih abstrak. Kerana itu, persoalan moral dan manusiawi harus diimbang oleh pemahaman tentang alam yang lebih unggul – idea. Hujah Plato ini kemudian dibantah oleh Aristotle kerana baginya ia seolah-olah mewujudkan dualisme. Aristotle berpendapat kosmos bersifat integratif dan manusia dapat memahami persoalan-persoalan kehidupan dengan cerapan teliti ke atas alam fizikal. Hujah Aristotle membawa fokus baharu iaitu manusia berupaya memahami hakikat alam melalui ‘pemerhatian’ yang tersusun dan bukan semata-mata dengan ‘pemikiran’ abstrak. Proses dialektik ini kemudian mencorak tradisi pemikiran Barat dalam abad-abad selanjutnya.

Bagaimanapun, proses falsafah yang berlaku dalam zaman Yunani telah terganggu. Perang Peloponnesia yang berlangsung pada abad ke-5 SM telah menyebabkan kejatuhan Yunani dan digantikan oleh empayar Hellenistik. Hal ini membawa masyarakat Barat menjadi kosmopolitan. Keadaan ini secara tidak langsung mencabar serta meninggalkan kesan kepada cara mereka berfikir. Dalam bab kedua ini, Tarnas menggambarkan betapa masyarakat Barat tertekan dan terasing dalam sistem politik empayar, melewati batasan negara-kota. Keresahan ini mengalih fokus pemikiran Barat dari esensi kosmos kepada psikologi diri dan kawalan emosi. Aliran falsafah seperti Stoisisme dan Epikureanisme muncul dan berpengaruh dengan gagasan akal untuk kesejahteraan peribadi. Jadi, pasca-zaman Yunani falsafah bukan hanya sekadar aktiviti intelektual, tetapi juga terapi jiwa yang substantif. Bukan bermakna unsur-unsur rasional tentang kosmos dan manusia zaman Yunani sudah disisih, tetapi ia diolah dan diubahsuai dalam kerangka falsafah semasa. Misalnya ilmu astronomi yang rasional digunakan untuk membentuk pengetahuan astrologi, bagi menjustifikasi perkaitan ramalan nasib peribadi dengan sistem planet. Keprihatinan tentang kesejahteraan dan nasib peribadi secara mendalam pada penghujung zaman klasik membuka jalan kepada pengaruh agama Kristian di tengah-tengah masyarakat. Pengaruh Kristian di Barat juga mendapat manfaat secara tidak langsung dari pemerintahan Rom pasca-Hellenistik. Masyarakat Barat hidup dalam tekanan politik lantas mudah membuka jiwa pada asuhan keagamaan. Falsafah nampaknya mula membaaur dengan agama.

Dalam bab tiga, Tarnas menggambarkan agama Kristian diterima meluas masyarakat Barat kerana kekuatan asas penjelasannya tentang hakikat kosmos, kehidupan, moral dan manusia.

Ajaran Kristian pada awal zaman pertengahan dilihat tidak bercanggah dengan semangat falsafah. Kristian mengadaptasi ajaran Yahudi bahawa dunia tidak berulang dan menuju pengakhiran linear. Dalam proses itu, tuhan menjadi matlamat akhir dan keutamaan manusia. Manusia hidup untuk beramal dan mengabdikan diri pada tuhan supaya memperoleh kesejahteraan pada pengakhiran kehidupan. Konsepsi tentang tuhan ini meskipun baharu namun tidak sukar diterima. Ia selari dengan hujah metafizik Plato zaman klasik tentang kewujudan dua alam dalam kosmos. Perlahan-lahan, kepercayaan kepada dewa dewi Yunani telah diubah kepada Jesus. Asas awal ini kemudian diperketatkan secara idea dan praktis oleh ahli falsafah Kristian yang terkenal, Augustine. Beliau menegaskan manusia mempunyai dosa warisan dan memerlukan tuhan untuk hidup sejahtera di dunia dan alam selepasnya. Syaratnya peraturan tuhan harus diikuti dan kehendak bebas manusia harus dijinakkan agar selari dengan agama. Doktrin ini kemudian semakin mencengkam apabila autoriti agama bimbang terdapat penyimpangan fahaman atau protes dari masyarakat. Kejatuhan empayar Rom dalam sejarah tambah menguatkan dominasi gereja apabila suatu bentuk pemerintahan autoriti agama Kristian dibentuk. Pada tahap ini, gereja bukan lagi semata-mata pusat agama, tetapi berubah menjadi institusi berkuasa dalam segenap aspek kehidupan masyarakat.

Setelah sekian lama berada di bawah naungan fikir dogmatis Kristian, dalam bab empat Tarnas menunjukkan wujud bibit-bibit penyegaran idea dalam zaman pertengahan. Ia berlaku secara tidak langsung lantaran situasi politik di Barat telah stabil dan pusat-pusat ilmu mula berkembang. Keadaan ini membuka ruang interaksi Barat dan dunia Islam dalam konteks ilmu pengetahuan. Hasilnya dunia Barat menemui kembali idea-idea Aristotle zaman klasik. Minat untuk mengkaji dunia fizikal dengan kerangka pandang manusia kembali bercambah malah persoalan kehidupan dilihat bukan semata-mata bertumpukan agama dan tuhan. Kemunculan Thomas Aquinas secara berstruktur memperkuat kembali idea-idea Aristotle apabila beliau menghujahkan alam fizikal bukan sesuatu yang kotor dan bertentangan dengan nilai-nilai agama. Aquinas bahkan mengasaskan kajian integratif tentang alam fizikal yang harmoni dengan unsur-unsur agama. Bagaimanapun terdapat juga kelompok yang pergi lebih jauh dengan menolak pembauran idea Aristotle dengan agama kerana hakikat ketidakupayaan manusia mencerap alam idea secara mutlak. Mereka mengajukan fokus kudrat manusia adalah untuk memahami persoalan-persoalan fizikal tanpa mencampurkannya dengan agama. Dari suatu sudut yang lain pula berkembang arus pemikiran yang menolak fungsi gereja sebagai mediator antara manusia dan tuhan. Gugatan falsafah ke atas doktrin Kristian dilengkapkan dengan kemunculan kelompok humanis yang mengangkat kembali idea Plato tentang alam idea yang lebih lunak. Ia secara tidak langsung menjadi kritikal kepada dominasi fizikal dan intelektual pihak gereja yang amat mencengkam masyarakat Barat.

Kelemahan dominasi gereja di Barat memburuk dengan berlangsungnya tiga episod penting iaitu *renaissance*, reformasi dan revolusi saintifik. Tarnas membincangkan tiga episod monumental ini dalam bab lima. Ia bukan sahaja menamatkan dominasi gereja tetapi telah membuka zaman moden Barat dengan adaptasi semangat falsafah zaman klasik. Zaman *renaissance* memberi pengalaman baharu kepada masyarakat Barat untuk hidup dengan potensi dan kawalan akal mereka sendiri. Masyarakat mengalihkan fokus daripada memenuhi doktrin agama kepada hidup dengan keyakinan pada keupayaan manusia. Kemunculan gerakan reformasi kemudian telah secara tidak langsung memberi pukulan penamat kepada gereja apabila Martin Luther memimpin kritikan massa terhadap gereja. Sebagai agamawan, Luther menegaskan agama sebenarnya menyediakan ruang interaksi manusia-tuhan tanpa memerlukan gereja dan paderi yang korup. Kejatuhan dominasi gereja membuka ruang fikir

seluasnya kepada masyarakat yang mencetuskan revolusi saintifik. Kemunculan tokoh seperti Galileo dan Newton dengan penemuan saintifik dan Bacon serta Descartes dengan agenda falsafah masing-masing telah menjana arus pemikiran baru masyarakat untuk hidup bebas daripada unsur-unsur yang dianggap tidak rasional dan mencengkam kreativiti. Dari zaman pertengahan yang amat sarat dengan unsur metafizik, zaman moden Barat nampaknya mula mendapatkan rentak diatas kerangka sekular yang sistematik.

Memasuki zaman moden tidak pula bermaksud semangat berfikir masyarakat Barat telah menemui kemuncak lantas inovasi idea sudah terhenti. Melalui bab enam, Tarnas menunjukkan paradigma moden juga berhadapan gugatan tersendiri. Bahkan kontradiksi sains moden lebih rencam berbanding dengan kritik ke atas agama zaman pertengahan. Sains yang sebelum ini dianggap memberdayakan manusia dilihat telah berfungsi sama seperti agama dengan merendahkan kedudukan manusia. Hujah Copernicus tentang bumi bukan pusat alam semesta, teori Darwin tentang evolusi manusia dari haiwan, Marx dengan ajuan tingkah laku manusia dipengaruhi material dan Freud yang yakin akal rasional dikawal minda bawah sedar telah mengundang kekecewaan terhadap sains. Begitu juga dalam lapangan falsafah moden. Keupayaan pendekatan empiris mula diragui, melalui persoalan adakah manusia mampu mengoptimumkan pancaindera dan pengalamannya untuk memahami realiti? Kritikan timbul apabila empirisme dianggap tidak mampu berfungsi tanpa panduan akal. Akal pula kemudian dilihat memanipulasi kaedah empiris apabila sains juga nampaknya digunakan untuk merosakkan dunia. Kerancuan ini memuncak dengan munculnya aliran Eksistensialisme dan Nihilisme yang berputus asa dengan segala hal. Perkembangan ini memunculkan gelombang pascamoden yang berpendirian ilmu, samada sains atau agama adalah sesuatu yang relatif dan wajar dinilai secara skeptikal.

Sebagai penutup, Tarnas menghujahkan dalam bab tujuh bahawa krisis pemikiran Barat yang panjang, tidak berkesudahan dan tiada kepastian ini berlaku kerana konflik *'the masculine'* menentang *'the feminine.'* Sifat manusia yang mahukan kebebasan, ruang berdikari, ego rasional-kebijaksanaan serta naluri menakluk disinonimkan dengan trait maskulin dalam jiwa manusia. Trait ini terlalu dominan hingga mengabaikan unsur kebalikan iaitu feminin seperti jiwa, emosi, kestabilan, tolak ansur dan alam semulajadi. Sepertinya lelaki yang ingin dominan dalam hubungan dan memimpin, Barat meninggalkan asas awal pemikirannya untuk membina hikmah dan ilmu bersifat terapan yang membawa kepada penindasan. Keadaan ini kemudian mengundang rasa terasing dan buntu yang tidak berpenghujung. Bagaimanapun Tarnas optimis kestabilan pemikiran Barat akan kembali. Kritik pascamoden terhadap modernisme Barat yang menggugat itu dianggap oleh Tarnas sebagai pemicu kekuatan pemikiran di masa akan datang. Syaratnya Barat harus belajar mengimbangi antara maskuliniti dan sifat-sifat feminin alam serta manusia. Perimbangan dan pembauran keduanya dianggap berupaya menunjuk jalan keluar kepada kerancuan pemikiran Barat moden masa kini.

Meskipun dinyatakan awal tadi Tarnas kelihatan cuba sehabis mungkin menjadi bebas dan ternyata ia agak berjaya, namun objektiviti multak memang sukar ditemukan. Tarnas ternyata masih seorang manusia Barat yang menulis berdasar kerangka fikir dan nilai-nilai mereka. Apa yang terpapar, naratif sejarah pemikiran Barat dibina oleh Tarnas dalam kerangka yang terasing dengan tamadun-tamadun lebih awal misalnya India dan China (Timur). Barat dilihat bangkit sendiri, jatuh sendiri dan seterusnya berkonflik dengan diri sendiri. Kedudukan Barat sebagai sekadar salah satu dari pelbagai tradisi tamadun dunia serta bagaimana ia berinteraksi dengan kuasa idea dan falsafah lain tidak diungkap selayaknya. Ini tidaklah menghairankan kerana dari

tajuk bukunya, pembaca sudah boleh menjangka pendirian dan pendekatan Tarnas tentang kedudukan Barat yang dianggap sentral dan mewakili evolusi sejarah manusia secara keseluruhan. Citra Eurosentik Tarnas tambah ketara apabila refleksinya pada bab akhir jelas memperlihatkan simpati dan keprihatinan beliau pada pemikiran Barat dalam kerangka dalaman tamadun mereka. Apakah membaurkan maskuliniti dan sifat feminin alam juga merujuk pada agenda penyahjajahan Barat sendiri kepada entiti bukan-Barat? Ia nampaknya tidak mendapat pertimbangan khusus dari Tarnas.

Bagaimanapun itulah sifat wacana Barat yang harus dicermati oleh penggiat Oksidentalisme. Karya Tarnas secara praktis menunjukkan bagaimana sarjana Barat melihat tamadun dan isu yang melingkari masyarakatnya. Kekurangan dari segi paradigma makro ini tidak pula wajar untuk meletakkan karya Tarnas sebagai tidak bermutu. Sebaliknya, mengambil sikap positif pengamat Barat, penulisannya amat teliti dan tersusun, bahkan boleh dianggap komprehensif dalam menaratif evolusi pemikiran Barat. Hasilnya kita dapat mengambil pengajaran bahawa idea dan pemikiran Barat tidak pernah stabil. Kemajuan yang dicapai dan dijadikan inspirasi selama ini muncul di tengah-tengah ketidakstabilan itu. Justeru sebarang adaptasi ke atas Barat dari pelbagai aspek harus disedari hadir bersama risiko bahawa ia masih berstatus *'try and error.'* Krisis demi krisis pemikiran yang berlaku kepada Barat perlu dilihat berupaya mengancam pembangunan diri, masyarakat dan budaya kita sendiri. Kita tidak wajar berdiam diri melihat misalnya bagaimana pascamodernisme perlahan-lahan mengancam nilai dalaman masyarakat Barat, kerana sistem kemasyarakatan sejagat masa kini jelas terbina di atas struktur yang sama. Maka ancaman yang dihadapi Barat secara tidak langsung boleh dilihat sebagai ancaman kepada masyarakat kita sendiri. Ketidakstabilan pemikiran Barat malangnya secara longgar adalah cerminan ketidakstabilan pemikiran kita sendiri.

Bibliografi

- Buruma, I & Margalit, A. 2021. *Oksidentalisme dan sejarah ringkas faham anti-Barat*. Terj. Lim Kim Hui. K. Lumpur: ITBM & IIUM Press.
- Chatterjee, P. 1993. *The nation and its fragments: colonial and postcolonial histories*. Princeton: Princeton University Press.
- Fukuyama, F. 1992. *The end of history and the last man*. New York: The Free Man.
- Tarnas, R. 1991. *The passion of a western mind: understanding the ideas that have shaped our world view*. New York: Ballantine Book.

Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir

Jabatan Pengajian Sosial dan Kemanusiaan
Fakulti Sains Sosial
Universiti Islam Selangor